TAFSIRAN AYAT-AYAT POLITIK DALAM AL-QURAN MENURUT IBNU KATHIR: SUATU TIN-JAUAN KONTEKS MALAYSIA

Abdulloh Saleh, Hayati Binti Hussin, Syed Najihuddin Bin Syed Hassan,
Norullisza Binti Khosim, Ahmad Kamel Mohamed, Amran Bin Abdul Halim
Kup, Faukulti Pengajian Al Quran Dan Sunnah, USIM

Abstrak

Politik Adalah Satu Perkara Yang BAIK, Bahkan Dalam Islam MENGHARUSKAN. Islam Melihat Politik Sebagai Sebahagian Integral Dari Agama (Ad-Din) Yang Merupakan Medan Untuk Menunaikan Amanah Sebagai Khalifah, Menegakkan Amar Ma'ruf Nahi Munkar, Dan Mencapai Maqasid Syariah (Menjaga Agama, Nyawa, Akal, Keturunan, Dan Harta). Justeru, Melibatkan Diri Dalam Politik Yang Berlandaskan Syariat Adalah Satu Kewajipan Dan Ibadah Untuk Me-mastikan Keadilan Dan Kebaikan Tertegak.Tulisan Ini Bertujuan Untuk Mengkaji Pesan-Pesan Politik Islam Yang Terkandung Dalam Tafsir Ibnu Kathir Berkenaan Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Berkaitan Dengan Politik, Dengan Memberi Penekanan Kepada Konteks Malaysia. Kajian Ini Menggunakan Kaedah Analisis Tafsir Tematik (Maudu'I) Dan Pendekatan Kontekstual Untuk Meneliti Beberapa Ayat Pilihan Yang Menjadi Asas Kepada Konsep Politik Dalam Islam. Hasil Kajian Menunjukkan Bahawa Tafsir Ibnu Kathir Menekankan Nilai Keadilan, Syura (Musy-awarah), Amanah Kepemimpinan, Dan Keseimbangan Kuasa Sebagai Teras Dalam Pengurusan Politik. Temuan Ini Relevan Dalam Konteks Politik Malaysia Kontemporari Kerana Ia Dapat Memberikan Panduan Normatif Bagi Memahami Prinsip Politik Islam Serta Membina Wacana Politik Yang Lebih Adil, Beretika, Dan Berpaksikan Syariat.

Kata kunci: Tafsir Ibnu Kathir, Politik Islam, Ayat-ayat al-Qur'an, Malaysia

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran bukan sekadar kitab ibadah semata-mata, bahkan ia merupakan sebuah manual lengkap yang mer-angkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia, termasuk bidang politik dan pemerintahan. Habibah binti Ayob (2024) menegaskan bahawa al-Quran tidak hanya menjadi panduan hidup umat manusia, malah turut meliputi pelbagai dimensi kehidupan seperti akhlak, sosial, ekonomi, dan pendidikan.

Karya tafsir Ibn Kathir, yang diiktiraf kesahihannya dalam dunia Islam, memberikan penjelasan komprehensif mengenai ayat-ayat berkaitan politik dengan merujuk kepada al-Quran, hadis, serta athar para sahabat. Dalam konteks Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, pemahaman terhadap tafsiran klasik ini amat penting bagi membina kerangka politik yang bukan sahaja selari dengan nilai-nilai Islam, tetapi juga menepati keperluan masyarakat majmuk.

Sehubungan itu, Lira Sopi Ema et al. (2024) melalui karya mereka Membangun Politik yang Berakhlak: Integrasi Nilai-Nilai Islam dalam Sistem Demokrasi menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai Islam da-lam membentuk sistem politik berteraskan akhlak, di samping menyesuaikannya dengan kerangka demokrasi moden.

1.1 LATABELAKANG IBNU KATHIR

Ibn Kathir merupakan seorang ulama besar dan ahli tafsir terkenal dengan karya agungnya, Tafsir al-Qur'an al-'Azim (Avif Alfiyah & Shofiqotun Azizah, 2024, hlm. 432). Ulama yang juga dikenali dengan gelaran Abu al-Fida' ini dilahirkan di Basrah. Menurut catatan dalam kitab al-A'lam (2002), nama lengkap beliau ialah Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir bin Duwa' bin Kathir bin Dhara' al-Busrawi al-Asl al-Dimashqi. Beliau berpegang kepada mazhab al-Shafi'i, dilahirkan pada tahun 701H dan wafat pada tahun 774H. Nu'mān bin Maḥmūd bin 'Abd Allāh (1981) menjelaskan bahawa tokoh ini telah menghasilkan sebuah karya berjudul Aḥkām al-Tanbīh ketika berusia tujuh tahun. Ibn Kathir dikenali sebagai seorang hafiz, ahli dalam bidang bahasa, hadis, sejarah (al-Bidāyah wa al-Nihāyah), tafsir dan fiqh. Beliau wafat pada bulan Sya'ban di Dimashq dan dikebumikan berdekatan dengan gurunya. Menurut catatan al-Bidāyah wa al-Nihāyah (t.t.), ayah beliau meninggal dunia ketika beliau berusia tiga tahun.
Selain itu, Ibn Kathir juga menimba ilmu daripada ramai ulama terkenal di Dimashq serta beberapa wilayah Islam yang lain (Tihānī Nūr al-Hādī Muḥammad 'Abd al-Ma'būd, 2020).

2.0 TAKRIF POLITIK DAN HUKUMNYA

Istilah politik sering dikaitkan dengan konsep tatanegara, iaitu ilmu yang membincangkan serta menyusun kaedah bagi membentuk organisasi kehidupan masyarakat dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, pen-gertian politik adalah lebih luas daripada tatanegara. Perkataan politik berasal daripada bahasa Yunani polis yang bermaksud "negara". Pada awalnya, ia merujuk kepada segala hal berkaitan negara, kemudian berkem-bang sebagai istilah yang menggambarkan amalan pemerintahan, kebijaksanaan dalam memerintah, serta seni atau kemampuan untuk mentadbir (Abdul Ghani Azmi, 1999).
Dari segi etimologi, istilah ini juga berkait dengan perkataan Yunani politikus atau bahasa Latin politica, yang mula digunakan pada abad ke-5 S.M. Asal kata polis sendiri bermaksud "negara kota", yang pada zaman Yunani purba dianggap sebagai pusat kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Negara mereka berpusat di ibu kota, iaitu Athens. Setelah Athens bergabung dengan kota-kota lain seperti Sparta, Thessalia dan Corinth untuk mempertahankan diri daripada serangan luar, istilah polis tetap digunakan bagi merujuk kepada pemer-intahan yang meliputi wilayah yang lebih luas (Razaleigh Muhamat @ Kawangi).

2.1 HUKUM TERLIBAT DENGAN POLITIK DALAM ISLAM

Dalam perspektif Islam, politik atau siyāsah merujuk kepada usaha mengurus, memimpin, serta mengatur urusan masyarakat berlandaskan prinsip-prinsip syariat. Justeru, hukum keterlibatan dalam politik pada asasn-ya adalah harus, malah boleh menjadi wajib apabila ia bertujuan menegakkan keadilan, memelihara agama, menjaga kemaslahatan umat, serta menghindari kezaliman dan kerosakan dalam pemerintahan. Sebaliknya, keterlibatan tersebut menjadi haram sekiranya ia digunakan sebagai alat untuk menipu, menindas, menye-barkan fitnah, atau menyokong dasar yang bertentangan dengan ketetapan syariat Allah (al-Māwardī, 1985; al-Ghazālī, 1961). Dalam konteks tertentu, terdapat negara yang tidak dapat memisahkan secara jelas antara hukum Islam dan adat istiadat. Sebagai contoh, di Malaysia, hubungan ini telah diperincikan oleh Rohmad Nurhuda (2022) yang menjelaskan bahawa, "Malaysia, sebagai bekas jajahan Inggeris, dengan demikian melestarikan tradisi hukum adat Inggeris di negara itu. Di antara sistem hukum Islam dan hukum adat, tradisi ini ada. Secara tidak langsung…"

2.2 DALIL DARIPADA AL-QURAN

Dalam konteks politik, kewajipan utama pemerintah adalah menegakkan keadilan serta melaksanakan amanah pemerintahan dengan penuh integriti. Kedua-dua prinsip ini merupakan asas penting dalam memas-tikan kelangsungan tadbir urus yang berlandaskan syariat serta menjamin kesejahteraan masyarakat secara

menyeluruh. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

(Surah al-Nisa' 4:58)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu sepaya menyerah segala jenis amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusiaAllah SWT menyuruh kamu supaya menghukum dengan adil*

Kewajipan ketaatan kepada pemimpin merupakan prinsip penting dalam Islam, namun ketaatan tersebut hanya berlaku selama mana arahan atau dasar yang ditetapkan tidak bercanggah dengan syariat. Hal ini menegaskan bahawa kepatuhan kepada pemimpin terikat dengan batas syarak, iaitu selagi pemerintah tidak menyuruh kepada perkara maksiat atau menyalahi perintah Allah SWT, Hal ini selaras dengan firman Allah SWT:

Dalam tafsir Ibn Kathīr (1994) meyatakan bahawa " Allah SWT Yang Maha Berkuasa menegaskan bahawa setiap amanah hendaklah dikembalikan kepada pemiliknya yang berhak." Menurut pandangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, kewajipan memelihara amanah merangkumi semua aspek kehidupan. Hal ini termasuklah menjaga barang kiriman, mengelakkan penipuan dalam timbangan, menunaikan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyatnya, serta peranan ulama' dalam berinteraksi dengan orang awam. Kesemua bentuk amanah ini perlu dipelihara dengan penuh integriti kerana ia merupakan asas kepada kestabilan masyarakat dan keadilan sosial.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ

(Surah al-Nisa' 4:59)

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah SWT, dan taatlah kamu kepada Rasulullah SAW, serta kepada ulī al-amr (pemimpin) dalam kalangan kamu*

Ayat ini diturunkan berkenaan dengan 'Abdullāh bin Ḥudhāfah bin Qays bin 'Adī ketika Rasulullah SAW mengutusnya dalam sebuah ekspedisi (sariyyah). tafsir Ibn Kathīr (1994), Para ulama tafsir berbeza pandangan mengenai maksud ulī al-amr dalam ayat tersebut. Sebahagian berpendapat bahawa ia merujuk kepada para ulama, manakala sebahagian yang lain menafsirkan bahawa ia merujuk kepada pemerintah. Al-Qurṭubī (1985) pula menegaskan bahawa ketaatan kepada pemerintah dalam ayat ini ditafsirkan sebagai ketaatan kepada Rasulullah SAW, berasaskan firman Allah SWT:

وما آتاكم الرسول فخذوه وما نهاكم عنه فانتهوا

Maksudnya: *Dan apa jua yang dibawa oleh Rasulullah hendaklah kamu ambil, dan apa jua yang dilarangnya maka hen-daklah kamu tinggalkan*
(Surah al-Ḥashr, 59:7).

2.3 DALIL DARIPADA HADIS

Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

Maksudnya: Apabila keluar tiga orang dalam satu perjalanan, maka hendaklah mereka melantik salah seorang daripada mereka sebagai pemimpin.

Hadis ini menunjukkan kepentingan kepimpinan (politik) walaupun dalam kumpulan kecil. Maka, lebih-lebih lagi kepimpinan itu diperlukan dalam masyarakat besar dan negara.

Dalam bab musafir, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim Abadi (1995) dalam karyanya menjelaskan bahawa apabila terdapat tiga orang yang bermusafir, maka sewajarnya dilantik seorang ketua dalam kalangan mereka bagi mengelakkan perselisihan pandangan. Pelantikan ketua ini berperanan sebagai pihak yang berautoriti untuk membuat keputusan, menetapkan hukum, serta menentukan arah tindakan sepanjang perjalanan tersebut.

Manakala dalam karya Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Sharh Muntaha al-Akhbar, al-Syaukani (t.t) menjelaskan bahawa menurut syarak, apabila sesuatu jemaah terdiri daripada tiga orang atau lebih, maka disarankan untuk melantik seorang ketua. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan perselisihan pandangan yang boleh membawa kepada perpecahan dan kebinasaan dalam kalangan anggota jemaah tersebut..

2.4 DALIL POLITIK DALAM ISLAM

Dalil Politik Dalam Islam Berdasarkan Sabda Rasulullah SAW Mengenai Konsep Siyasah

Hadis Rasulullah SAW menunjukkan bahawa politik (siyasah) merupakan sebahagian daripada ajaran Islam. Sabda Baginda SAW:

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمْ الأَنْبِيَاءُ كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ وَإِنَّهُ لاَ نَبِيَّ بَعْدِي وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ فَيَكْثُرُونَ

Maksudnya: Dahulu Bani Israil diurus (dipimpin) oleh para nabi. Setiap kali seorang nabi wafat, maka digantikan dengan nabi yang lain. Sesungguhnya tidak ada lagi nabi selepas aku, dan akan ada para khalifah, dan mereka akan banyak bilangannya." (Hadis Riwayat Bukhari no 3455 dan Muslim, no 1842).

Hadis ini menunjukkan bahawa kepimpinan dalam Islam merupakan aspek penting yang digerakkan melalui konsep siyasah atau politik. Dalam konteks umat terdahulu, kepimpinan dilaksanakan oleh para nabi yang berperanan mengurus hal ehwal masyarakat berdasarkan wahyu. Namun, selepas kewafatan Rasulullah SAW, kepimpinan umat Islam diteruskan oleh para khalifah. Hal ini membuktikan bahawa institusi kepimpinan politik dalam Islam merupakan suatu tuntutan syarak bagi memastikan kelangsungan pemerintahan, kestabilan, serta pentadbiran masyaraka

Jelaslah bahawa politik atau siyasah itu adalah menguruskan urusan masyarakat.Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَصْبَحَ وَالدُّنْيَا أَكْبَرُ هَمِّهِ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ، وَمَنْ لَمْ يَهْتَمَّ لِأُمُورِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

Maksudnya: sesiapa saja yang bangun di pagi hari dan dia hanya memperhatikan urusan dunianya, maka orang tersebut tidak berguna apa-apa disisi Allah; dan barang siapa yang tidak memperhatikan urusan kaum Muslimim, maka dia tidak termasuk golongan mereka (iaitu kaum muslim) (Hadis Riwayat al-Hākim, no 7889)

Hadis ini mengajar bahawa seorang Muslim tidak boleh hanya mengejar dunia hingga melupakan akhirat. Pada masa yang sama, dia tidak boleh bersikap individu alistik dengan mengabaikan keadaan umat Islam yang lain. Keimanan yang benar ialah apabila seorang Muslim menggabungkan dua tanggungjawab:

1-Menjaga hubungannya dengan Allah.

2-Menunaikan kewajipan sosial terhadap umat Islam.

3.0 CONTOH: TAFSIRAN AYAT POLITIK DALAM KONTEKS MALAYSIA MENURUT IBNU KATHIR

1. KEPIMPINAN SEBAGAI AMANAH ILAHI FIRMAN ALLAH SWT

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

(Al-Baqarah: 30)

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seo-rang khalifah di bumi*.'…"

Tafsiran Ibn Kathir
Dalam tafsir Ibn Kathir, beliau menjelaskan bahawa makna ayat Allah SWT:

"satu kaum yang menggantikan antara satu sama lain, dari kurun ke kurun dan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya." Penjelasan ini disokong dengan firman Allah SWT yang lain:

(وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ)

(al-An'ām: 165)

yang menunjukkan bahawa maksud khalifah bukanlah hanya terhad kepada Nabi Adam 'alaihissalām semata-mata, bahkan merangkumi seluruh jenis khalifah yang diutus dan diletakkan di atas muka bumi, sebagaimana pandangan sebahagian ahli tafsir (Ibn Kathir, 1999, h. 216).

Berdasarkan tafsiran tersebut, Ibn Kathir menegaskan bahawa istilah khalifah *membawa maksud wakil Allah di bumi untuk memakmurkan kehidupan, melaksanakan hukum-Nya, serta mengurus dunia dengan penuh keadilan. Tugas khalifah ini merupakan suatu amanah besar yang bukan sahaja berbentuk kedudukan atau kuasa, bahkan turut mencakupi tanggungjawab spiritual dan politik.*

KONTEKS MALAYSIA

Dalam sistem demokrasi berparlimen Malaysia, pemimpin dipilih melalui pilihan raya, namun hakikatnya mereka tetap memikul amanah Ilahi. Prinsip ini menuntut setiap pemimpin Muslim agar melihat jawatan sebagai ibadah, bukan peluang memperkayakan diri atau parti. Perkara ini selari dengan konsep good governance yang menekankan integriti dan tanggungjawab.

CABARAN DAN KRITIK

Cabaran utama dalam konteks Malaysia ialah apabila pemimpin gagal menghayati amanah ini, lalu timbul masalah seperti rasuah, salah guna kuasa, dan kronisme. Walaupun sistem pilihan raya memberi kuasa kepada rakyat, politik wang sering mencemari proses tersebut. Kritikan juga timbul apabila kepimpinan dipandang sebagai hak eksklusif sesuatu parti atau kelompok, sedangkan ia adalah amanah yang harus dipikul demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

2. KETAATAN KEPADA ULIL AMRI

FIRMAN ALLAH SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ

AN-NISA: 95

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul, serta ulil amri di antara kamu...

Tafsiran Ibn Kathir

Menurut Ibn Kathir (1999), istilah ulil amri merujuk kepada para pemimpin, penguasa serta ulama. Ketaatan terhadap mereka adalah wajib selagi mana perintah tersebut tidak bercanggah dengan syariat. Namun demikian, sekiranya pemimpin mengarahkan sesuatu yang bertentangan dengan hukum Allah, maka tidak ada ketaatan yang wajib diberikan. Hal ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Pencipta.

لَا طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِي مَعْصِيَةِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ

(Riwayat Ahmad bin Muhammad bin Hanbal no 1095)

Maksudnya: *Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah 'Azza wa Jalla*

Dalam konteks penafsiran ulil amri, Rifqi Ghufron Maula (2019) menegaskan bahawa istilah tersebut masih menimbulkan perbezaan pandangan dalam kalangan masyarakat umum dan para mufassir terkenal. Sebahagian ulama berpendapat bahawa ulil amri merujuk kepada para penguasa atau pemerintah, manakala sebahagian yang lain menafsirkannya sebagai para ulama.

KONTEKS MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, rakyat dituntut untuk mentaati pemerintah selagi mereka melaksanakan keadilan serta tidak bertentangan dengan syariat Islam. Dalam realiti politik moden, perbezaan parti politik dan ideologi tidak seharusnya menafikan kewajipan asas ketaatan kepada pemerintah dalam perkara yang membawa kebaikan. Prinsip ini secara tidak langsung dapat membendung gejala ekstremisme politik yang cenderung kepada sikap mudah mengkafirkan pemerintah. Namun demikian, ketaatan tersebut dikecualikan apabila pe-merintah menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi atau keluarga, melakukan penindasan, serta melaksanakan perkara yang bercanggah dengan syariat dan undang-undang. Wallāhua'lam.

CABARAN DAN KRITIK

Antara cabaran utama yang wujud ialah salah faham dalam kalangan rakyat mengenai batas ketaatan terhadap pemerintah. Sebahagian masyarakat beranggapan bahawa ketaatan mutlak dituntut walaupun pemerintah bersikap zalim. Pandangan ini turut dibincangkan oleh al-Būṭī (1993) yang menegaskan agar tidak mem-berontak terhadap pemerintah sekalipun zalim, kerana tindakan tersebut boleh mencetuskan kekacauan dan huru-hara dalam negara (al-Būṭī, 1993). Sebaliknya, terdapat kelompok lain yang terlalu cepat menolak legit-imasi pemimpin hanya kerana perbezaan politik. Kritikan juga timbul apabila pemerintah menggunakan dalil ketaatan untuk menuntut kesetiaan rakyat tanpa menunaikan tanggungjawab terhadap kesejahteraan mereka. Dalam konteks demokrasi Malaysia, perbezaan pendapat perlu difahami sebagai sebahagian daripada proses musyawarah dan dinamika politik, bukannya penderhakaan (Syed Hussain, Tuan Pah Rokiah & Muttalib, 2016). Oleh itu, pendekatan seimbang amat diperlukan agar prinsip ketaatan tidak disalahgunakan, di samping memastikan hak rakyat sentiasa terjamin selaras dengan prinsip syariat dan perlembagaan.

3. KEADILAN SEBAGAI TERAS PEMERINTAHAN

Keadilan Sebagai Teras PemerintahaN Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

(Al-Maidah: 8)

Maksudnya:
"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah serta menerangkan kebenaran. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Hendaklah kamu berlaku adil…"

TAFSIRAN IBN KATHIR

Menurut Ibn Kathir, ayat ini menegaskan kewajipan menegakkan prinsip keadilan tanpa mengira terhadap siapa ia dilaksanakan, termasuk terhadap musuh. Keadilan merupakan asas utama pemerintahan Islam yang berperanan sebagai faktor kesejahteraan dan keselamatan masyarakat. Beliau turut menekankan bahawa kezaliman merupakan punca utama keruntuhan sesebuah negara. Hal ini sejajar dengan peringatan Allah SWT: "Janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk meninggalkan keadilan, kerana keadilan itu wajib atas setiap individu, terhadap setiap orang, dan dalam setiap keadaan." (1999)

Pandangan ini dikuatkan oleh Ibn al-'Arabī (t.t.) yang mentafsirkan tindakan adil sebagai meletakkan sesuatu pada tempatnya tanpa mengira kedudukan pihak (Ibn al-'Arabī T.T) turut menegaskan bahawa antara tujuan utama syariat ialah menjaga keseimbangan yang adil antara hak individu dengan kepentingan umum. Sementara itu, al-Bayḍāwī (t.t.) dalam tafsirnya menjelaskan maksud firman Allah Ta'ala

(أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ)

iaitu keadilan itu lebih hampir kepada takwa. Beliau menegaskan perintah untuk berlaku adil dan menerangkan bahawa kedudukannya sangat hampir dengan sifat takwa setelah sebelumnya Allah melarang daripada berlaku zalim serta menjelaskan bahawa kezaliman berpunca daripada hawa nafsu. Jika perintah berlaku adil ini ditujukan terhadap orang kafir sekalipun, maka sudah tentu lebih utama lagi untuk berlaku adil terhadap sesama orang beriman. Imam yang adil itu dapat duduk di bawak bayang arasy Ilahi pada hari kiyamat sebeda rusulullah

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ... الحديث

(Riwayat al bukhari no 1423)

Maksudnya:
"Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari tiada naungan melainkan naungan-Nya ialah: seorang imam (pemimpin) yang adil..."
Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa keadilan merupakan elemen teras yang wajib ditegakkan dalam setiap aspek kehidupan, khususnya dalam bidang politik. Prinsip ini hendaklah berlandaskan kerangka politik Islam yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW serta diteruskan oleh para khalifah selepas baginda. Hal ini menunjukkan bahawa keadilan bukan sahaja menjadi asas pembinaan masyarakat, malah turut menentukan kelangsungan pemerintahan yang stabil dan berintegriti.

KONTEKS MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, prinsip keadilan merupakan asas penting dalam sistem pentadbiran. Sebarang bentuk diskriminasi kaum, amalan politik wang, serta penyalahgunaan kuasa jelas bertentangan dengan prinsip ini. Pentadbiran yang berlandaskan keadilan bukan sahaja mampu

memperkukuh perpaduan nasional, bahkan turut menzahirkan syiar Islam sebagai rahmat untuk seluruh masyarakat. Sejarah menunjukkan bahawa kepimpinan yang adil akan mendapat kepercayaan rakyat dan seterusnya memperoleh pertolongan daripada Allah SWT.

CABARAN DAN KRITIK

Cabaran utama dalam pelaksanaan keadilan ialah apabila konsep tersebut ditafsirkan mengikut kepentingan politik atau kelompok etnik tertentu. Situasi ini menuntut keimanan yang teguh serta kesedaran yang tepat agar prinsip keadilan dapat ditegakkan dalam setiap aspek kehidupan. Sebagai contoh, isu berkaitan peruntukan ekonomi dan pendidikan sering dipolitikkan sehingga menimbulkan persepsi ketidakadilan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kritikan turut ditujukan terhadap kewujudan sistem perundangan dua lapis, iaitu sivil dan syariah, yang kadangkala dianggap tidak konsisten. Sehubungan itu, keadilan perlu dilaksanakan secara menyeluruh tanpa mengira latar belakang agama, etnik, atau status sosial, supaya prinsip Islam sebagai raḥmatan lil-‘ālamīn benar-benar dapat direalisasikan.

4.0 KESIMPULANNYA

Tafsiran Ibn Kathir tidak boleh dilihat sebagai suatu doktrin yang kaku, sebaliknya ia merupakan panduan yang dinamik dan praktikal dalam menangani isu kepimpinan serta politik. Ayat-ayat politik dalam al-Quran yang dihuraikannya menekankan nilai asas seperti etika kepimpinan, kewajipan ketaatan yang berprinsip, dan keutamaan menegakkan keadilan. Nilai-nilai ini bukan sahaja sejajar dengan aspirasi negara bangsa Malaysia, bahkan berperanan sebagai kompas moral dan politik dalam membina masa depan negara yang lebih stabil, adil, dan berintegriti.

Menurut Ibn Kathir, ayat-ayat politik dalam al-Quran memperlihatkan empat prinsip utama, iaitu:

Kepimpinan sebagai amanah Ilahi – berpandukan firman Allah SWT:

﴿إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً﴾

(al-Baqarah: 30),

yang menjelaskan bahawa kepimpinan adalah tanggungjawab yang ditetapkan Allah bagi mengurus bumi dengan penuh keadilan.

1. **Ketaatan kepada ulil amri** – berdasarkan firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ﴾

(al-Nisa’: 59),

yang menegaskan kewajipan taat kepada pemimpin selagi mana mereka tidak menyuruh kepada maksiat, seiring dengan hadis Nabi SAW:

«لا طاعة لمخلوق في معصية الله عز وجل»

(Riwayat Ahmad, no. 1095).

2. **Keadilan sebagai teras pemerintahan** – sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ﴾

(al-Nisa': 58),

yang menunjukkan bahawa keadilan ialah asas kelangsungan sesebuah pemerintahan. Dalam konteks Malaysia, prinsip-prinsip ini amat relevan sebagai asas pemerintahan yang adil, harmoni, dan berteraskan maqasid al-shariah. Walau bagaimanapun, cabaran utama ialah bagaimana prinsip-prinsip tersebut sering disalah tafsir, dipolitikkan, atau tidak diamalkan secara menyeluruh. Oleh itu, pendekatan Ibn Kathir perlu difahami dengan menekankan maqasid al-shariah, agar ia dapat membimbing Malaysia ke arah sebuah negara yang menegakkan keadilan, menolak kezaliman, memperkukuh integriti, serta menjamin kesejahteraan sejagat.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas sokongan pem-biayaan melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod USIM/FRGS/FPQS/KPT/50224 yang telah memungkinkan penyelidikan ini dijalankan dengan lancar."

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abu Dawud Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani, (T.T), Sunan Abi Dawud. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 2021, Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal, Mu'assasah al-Risālah.

al-Ālūsī, N. b. M. b. ʿAbd Allāh, Abū al-Barakāt Khayr al-Dīn. (1981). Jalā' al-ʿAynayn fī Muḥākamat al-Aḥmadayn (ʿAlī al-Sayyid Ṣubḥ al-Madanī, Pendahuluan). Kaherah: Maṭbaʿat al-Madanī. (Asal diterbitkan 1401H).

al-Bayḍāwī, N. (t.t.). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth.

al-Būṭī, Muḥammad Saʿīd Ramaḍān. (1993). *al-Jihād fī al-Islām: Kayfa Nafhamuhu wa Kayfa Numārisuhu?* Damsyik: Dār al-Fikr.

Al-Ghazālī, A. H. (1961). al-Iqtiṣād fī al-I'tiqād. Kaherah: Dār al-Ma'rifah.

al-Hākim, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Abd Allāh (321H-405H). *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*. Cet. 1, 1427H.

Al-Māwardī, A. al-Ḥ. (1985). al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qaraḍāwī, Y. (1997). Fiqh al-Dawlah fī al-Islām. Kaherah: Dār al-Shurūq.

Al-Rāzī, M. b. 'U. b. al-Ḥ. al-Shāfi'ī. (t.t.). Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

al-Zarkalī, Khayr al-Dīn b. Maḥmūd b. Muḥammad b. ʿAlī b. Fāris al-Dimashqī. (2002). Al-Aʿlām (Cet. ke-15). Bayrūt: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn.

Habibah binti Ayob (2024), al quran panduan Abadi untuk Kehidupan manusia, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (1994). Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm (M. Ḥasan, Ed.). Beirut: Dār al-Fikr

Ibn Kathīr, Ismāʿīl b. ʿUmar al-Qurashī, Abū al-Fidā'. (t.t.). Al-Bidāyah wa al-Nihāyah. Bayrūt: Maktabah al-Maʿārif.

Ibnu Kathir, I. (1999). Tafsir al-Qur'an al-'Azim. Dar Tayyibah li an-Nasyr wa at-Tauzi'.

Lira Sopi Ema et al. (2024) Membangun Politik Yang Berakhlak: Integrasi Nilai-Nilai Islam dalam Sistem Demokrasi, Birokrasi : Jurnal Ilmu Hukum Dan Tata Negara

Mohamad, M. (2023). Pemikiran Politik Islam di Malaysia: Antara Tradisi dan Modeniti. Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim Abadi (1995), Awn al-Ma'būd sharḥ Sunan Abī Dāwūd (Cet. ke-2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Osman, M. N. M. (2019). Islamic Civilization and The Modern World: Thematic Essays. UBD Press.

Syed Hussain, Tuan Pah Rokiah, & Muttalib, Ismail. (2016). *Kajian sikap rakyat Malaysia terhadap kesetiaan kepada negara. Journal of Techno-Social, 8*(2), 56-69

Tihānī Nūr al-Hādī Muḥammad ʿAbd al-Maʿbūd. (2020). Manhaj Ibn Kathīr fī al-Tafsīr wa Mawqifuhu min al-Isrāʾīliyyāt fī Nisbat al-Shirk ilā Ādam wa Ḥawwāʾ wa Mawqifuhu min al-Ḥadīth al-Marfuʿ wa al-Āthār al-Wāridah fīhi. Al-Majallah al-Iliktrūniyyah al-Ḍāminah Mutaʿaddidah al-Takhaṣṣuṣāt.

Yusoff, M. A. (2021). Governance and Ethics in the Malaysian Public Sector: An Islamic Perspective. International Journal of Islamic Thought, 20(1), 45-56.

Ibn al-'Arabī, A. B. (t.t.). *Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.